



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 582**

## **AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

## **AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 25 Jun 1998

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 9 Julai 1998

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 582

### AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

#### PENUBUHAN LEMBAGA

3. Lembaga dan matlamatnya
4. Fungsi Lembaga
5. Kuasa Lembaga
6. Keanggotaan Lembaga
7. Tempoh jawatan
8. Anggota silih ganti
9. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
10. Pembatalan dan peletakan jawatan
11. Pengosongan jawatan
12. Anggota Lembaga tidak menanggung liabiliti
13. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
14. Pekhidmat awam
15. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
16. Penyata, laporan, akaun dan maklumat
17. Perwakilan fungsi, kuasa dan kewajipan Lembaga
18. Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa

## BAHAGIAN III

## KETUA PENGARAH, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LEMBAGA

## Seksyen

19. Pelantikan Ketua Pengarah
20. Kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah
21. Pelantikan pegawai dan pekhidmat
22. Kuasa memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat
23. Perwakilan kewajipan Ketua Pengarah
24. Jawatankuasa tatatertib
25. Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib
26. Kuasa membuat peraturan-peraturan tatatertib
27. Pengenaan surcaj
28. Pemberitahuan surcaj
29. Penarikan balik surcaj
30. Mendapatkan surcaj
31. Keanggotaan Lembaga dalam kes khas

## BAHAGIAN IV

## KEWANGAN

32. Kumpulan Wang
33. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
34. Pemeliharaan Kumpulan Wang
35. Ses atas keluaran kelapa sawit
36. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
37. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

## BAHAGIAN V

## KUASA DAN FUNGSI LAIN LEMBAGA

38. Kuasa untuk meminjam
39. Pelaburan
40. Pengkomersialan dapatan penyelidikan

Seksyen

41. Kuasa untuk mengambil khidmat ejen, dsb.
42. Kuasa untuk memberikan pinjaman
43. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan

BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

44. Pemberian kuasa kepada pegawai
45. Kuasa penyiasatan
46. Kuasa penangkapan
47. Penggeledahan dengan waran
48. Penggeledahan tanpa waran
49. Kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah kenderaan
50. Senarai benda disita
51. Kuasa untuk memasuki premis
52. Pemulangan sementara kenderaan, dsb.
53. Penjualan dan pelupusan keluaran kelapa sawit yang disita
54. Keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita boleh dilucuthakkan
55. Hak harta mengenai keluaran kelapa sawit, dsb., yang dilucuthakkan
56. Pelucuthakan atau pelepasan keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita
57. Tuntutan bagi keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita
58. Pelepasan keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita

BAHAGIAN VII

AM

59. Pengawalseliaan industri kelapa sawit
60. Pelantikan juruanalisis
61. Pemeriksaan atau pengujian berkadar keluaran kelapa sawit yang disita
62. Kos memegang keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita
63. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
64. Kuasa tambahan
65. Mengamang atau menghalang pegawai diberi kuasa menjadi kesalahan

## Seksyen

66. Kewajipan menyimpan kerahsiaan
67. Maklumat palsu
68. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
69. Penalti am
70. Persubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan
71. Mengkompaun kesalahan
72. Permulaan dan penjalanan pendakwa
73. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
74. Perlindungan pegawai
75. Hadiah
76. Perlindungan pemberi maklumat
77. Kuasa untuk membuat pengecualian
78. Peraturan-peraturan
79. Pengesahan perbuatan yang dilakukan dengan menjangkakan Akta

## BAHAGIAN VIII

## PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

80. Pemansuhan dan pembubaran
81. Pemindahan kuasa, dsb.
82. Pemindahan harta
83. Kontrak sedia ada
84. Pemindahan wang dalam kumpulan wang
85. Keanggotaan Lembaga-Lembaga dibubarkan
86. Penerusan pegawai dan pekhidmat
87. Kecualian bagi lesen dan daftar
88. Penerusan permohonan, dsb., yang belum selesai
89. Penerusan prosiding sivil dan jenayah
90. Sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai Lembaga-Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan
91. Penerusan penggunaan nama
92. Pencegahan anomali

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 582

#### AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979; untuk membubarkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia; untuk menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kelapa sawit Malaysia.

[1 Mei 2000, P.U. (B) 129/2000]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“anggota” ertinya anggota Lembaga dan termasuklah anggota silih ganti;

“bahan tanaman kelapa sawit” ertinya biji benih kelapa sawit, anak benih kelapa sawit dan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit;

“buah kelapa sawit” ertinya buah kelapa sawit yang belum diproses, sama ada bertandan atau tercerai;

“dapatan penyelidikan” ertinya apa-apa hasil daripada kegiatan penyelidikan dan kemajuan dan termasuklah reka cipta dan kemajuan dalam apa-apa proses, radas, jentera atau teknik;

“hari ditetapkan” ertinya hari Akta ini, atau jika tarikh yang berlainan ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini, hari Bahagian VIII mula berkuat kuasa;

“industri kelapa sawit” ertinya apa-apa industri yang terlibat dalam penanaman kelapa sawit, pengeluaran keluaran kelapa sawit, dan perkhidmatan yang berhubungan dengannya;

“jruanalisis” ertinya seseorang jruanalisis yang dilantik di bawah seksyen 60;

“kelapa sawit” ertinya spesies palma daripada genus *Elaeis* atau apa-apa genus palma yang mengandungi minyak dan termasuklah kacukan spesies ini, kacukan yang terhasil daripada pengacukan spesies atau kacukan ini dengan apa-apa spesies atau kacukan tumbuh-tumbuhan lain, dan bentuk spesies atau kacukan ini yang dihasilkan daripada kejuruteraan genetik;

“keluaran kelapa sawit” ertinya apa-apa keluaran yang diperoleh secara lansung daripada kelapa sawit atau yang keseluruhannya atau sebahagiannya diperbuat atau diterbitkan daripada keluaran itu dan termasuklah minyak sawit, isirung sawit, bungkil isirung



sawit, tempurung kelapa sawit, asid lemak sawit, bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, gentian kelapa sawit, tandan hampas kelapa sawit, pelepah kelapa sawit, batang kelapa sawit, akar kelapa sawit, papan gentian berasaskan kelapa sawit, pulpa dan kertas yang berasaskan kelapa sawit dan bahan kimia yang berasaskan kelapa sawit;

“kenderaan” ertinya apa-apa kereta, vesel, kapal, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan yang lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 19;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 32;

“laut” termasuklah perairan pedalaman;

“Lembaga” ertinya Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“minyak sawit” ertinya minyak, sama ada dalam bentuk mentah atau yang diproses, yang berasal atau yang diekstrak daripada perikarpa buah kelapa sawit, dan termasuklah minyak, sama ada dalam bentuk mentah atau yang diproses, yang berasal atau yang diekstrak daripada isirung buah kelapa sawit;

“pegawai diberi kuasa” ertinya—

- (a) seseorang pegawai Lembaga yang diberi kuasa di bawah seksyen 44;
- (b) seseorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor; atau
- (c) seseorang pegawai kastam;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 6;

“ses” ertinya ses yang dikenakan di bawah seksyen 35.

## BAHAGIAN II

## PENUBUHAN LEMBAGA

**Lembaga dan matlamatnya**

3. (1) Maka adalah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama “Lembaga Minyak Sawit Malaysia” yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, yang boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan janji, mendemis, menyerahkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Lembaga, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

(2) Matlamat Lembaga adalah—

- (a) untuk memajukan dan membangunkan industri kelapa sawit Malaysia; dan
- (b) untuk memajukan matlamat, dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran industri kelapa sawit Malaysia dengan cara yang teratur.

(3) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Lembaga.

**Fungsi Lembaga**

4. Fungsi Lembaga adalah—

- (a) untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan daya maju industri kelapa sawit Malaysia;
- (b) untuk menjalankan dan menggalakkan kegiatan penyelidikan dan kemajuan yang berhubungan dengan penanaman, pengeluaran, penuaian, pengekstrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemakaian, penggunaan dan pemasaran kelapa sawit dan keluaran kelapa sawit;
- (c) untuk merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan mengawasi

segala kegiatan penyelidikan dan kemajuan tentang kelapa sawit dan keluaran kelapa sawit;

- (d) untuk mengawal selia, mendaftarkan, menyelaras dan menggalakkan segala kegiatan yang berhubungan dengan penanaman, pembekalan, penjualan, pembelian, pengagihan, pergerakan, penyimpanan, pengukuran, pengujian, pemeriksaan, pembrokeran, pengeksportan dan pengimportan keluaran kelapa sawit, dan pengilangan buah kelapa sawit;
- (e) untuk memajukan dan mengkomersialkan dapatan penyelidikan bagi manfaat industri kelapa sawit dan untuk menggalakkan pemakaian dapatan penyelidikan secara komersial;
- (f) untuk mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat dan perundingan bagi industri kelapa sawit;
- (g) untuk menggalakkan pemasaran dan pengendalian cekap bagi keluaran kelapa sawit;
- (h) untuk memajukan dan menyenggarakan pasaran bagi keluaran kelapa sawit;
- (i) untuk menggalakkan, mengawal dan mengawasi langkah-langkah untuk mencapai mutu yang tinggi bagi keluaran kelapa sawit;
- (j) untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pembangunan sumber manusia selaras dengan keperluan industri kelapa sawit;
- (k) untuk berhubung dan membuat penyelarasan dengan badan lain di dalam atau di luar Malaysia bagi mempertingkatkan lagi industri kelapa sawit Malaysia;
- (l) untuk menjalankan penyelidikan dan kemajuan tentang biji minyak dan minyak serta lemak yang lain selain minyak sawit jika penyelidikan dan kemajuan itu bertujuan untuk mempertingkatkan industri kelapa sawit;
- (m) untuk mengumpulkan maklumat dan menyenggarakan rekod mengenai segala perkara yang berkaitan berhubungan dengan industri kelapa sawit;
- (n) untuk menjadi pusat sumber dan maklumat bagi industri kelapa sawit;

- (o) untuk menerbitkan atau menganjurkan penerbitan jurnal, terbitan berkala, buku kecil dan penerbitan lain dan untuk mengumpulkan, mengumpul semak dan menyebarkan maklumat yang berhubungan dengan kelapa sawit, keluaran kelapa sawit dan minyak serta lemak tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang lain;
- (p) untuk menjalankan penyelidikan dan kemajuan dalam apa-apa bidang lain jika hasil penyelidikan dan kemajuan itu bertujuan untuk memberikan manfaat kepada industri kelapa sawit; dan
- (q) untuk melakukan apa-apa benda lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

### **Kuasa Lembaga**

#### **5. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa—**

- (a) untuk mengusahakan dan menyelaraskan kegiatan yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan dalam penanaman, pengeluaran, penuaian, pengekstrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemakaian, penggunaan dan pemasaran kelapa sawit dan keluaran kelapa sawit termasuk sisa kelapa sawit dan keluaran kelapa sawit, dan perkhidmatan yang berhubungan dengannya;
- (b) untuk mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi penggunaan apa-apa kemudahan berhubungan dengan penyelidikan, penyiasatan, pengujian, perkhidmatan nasihat atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga;
- (c) untuk membuat apa-apa rundingan dan perjanjian atau perkiraan yang difikirkannya patut untuk menunaikan fungsinya;
- (d) untuk memperoleh, memegang, melupuskan atau memberikan hak berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh atau bagi Lembaga atau berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang diusahakan oleh mana-mana orang atau organisasi;

- (e) untuk mentauliahkan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan atau kemajuan, atau keduanya;
- (f) untuk memberikan perakuan kecekapan berkenaan dengan program latihan dan program bertauliah;
- (g) untuk mengusahakan dan menyelaraskan apa-apa kegiatan yang difikirkannya perlu bagi maksud melindungi dan memajukan kepentingan industri kelapa sawit Malaysia;
- (h) untuk mengawal selia industri kelapa sawit, termasuk dengan melaksanakan skim pendaftaran dan pelesenan;
- (i) untuk menetapkan piawaian atau gred kelapa sawit dan keluaran kelapa sawit; dan
- (j) untuk melakukan apa-apa benda lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

### **Keanggotaan Lembaga**

**6.** Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi industri kelapa sawit, yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian;
- (c) seorang wakil Perbendaharaan, yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- (d) seorang wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan industri, yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian;
- (e) seorang wakil Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 [Akta 474], yang dinamakan oleh Pengerusi Lembaga;
- (f) seorang wakil sektor pekebun kecil industri kelapa sawit;
- (g) dua orang wakil pengeluar kelapa sawit;

- (h) seorang wakil pengilang minyak sawit;
- (i) seorang wakil penapis minyak sawit;
- (j) seorang wakil industri oleokimia;
- (k) empat orang yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pembangunan industri kelapa sawit; dan
- (l) Ketua Pengarah.

### **Tempoh jawatan**

7. Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

### **Anggota silih ganti**

8. (1) Menteri boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(b) hingga 6(k), melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga yang tidak dapat dihadiri oleh anggota itu atas apa-apa sebab.

(2) Anggota silih ganti yang hendak dilantik berkenaan dengan anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(b) hingga 6(k) hendaklah anggota silih ganti yang dinamakan oleh orang yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan itu.

(3) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Lembaga.

(4) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan keanggotaannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

9. (1) Jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga selain Ketua Pengarah untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(2) Sehingga suatu pelantikan di bawah subseksyen (1) dibuat atau jika tiada pelantikan sedemikian atau jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga, anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(b) hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

(3) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau anggota yang disebut dalam subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini disifatkan sebagai Pengerusi.

(4) Jika pada mana-mana mesyuarat Lembaga Pengerusi dan orang yang menjalankan fungsi Pengerusi kedua-duanya tidak hadir, anggota yang hadir hendaklah melantik seorang daripada kalangan anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

### **Pembatalan dan peletakan jawatan**

10. (1) Pelantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(2) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.

### **Pengosongan jawatan**

11. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong —

(a) jika dia mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan —

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
  - (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
  - (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau, dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;
  - (f) sekiranya peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
  - (g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut seksyen 6 dan 7.

### **Anggota Lembaga tidak menanggung liabiliti**

**12.** Tiada anggota Lembaga boleh menanggung liabiliti sendiri bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh sesuatu perbuatan dalam mentadbirkan hal ehwal Lembaga, melainkan jika kehilangan atau kerugian itu disebabkan oleh suatu perbuatan salah yang diniatkan olehnya.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**13.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.



### **Pekhidmat awam**

**14.** Tiap-tiap anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga, semasa menunaikan kewajipannya sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

**15.** (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan arahan am yang selaras dengan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, melaksanakan arahan sedemikian.

### **Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**16.** (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat mengenai harta dan kegiatannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam yang lain, suatu laporan yang memperkatakan kegiatan Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

### **Pewakilan fungsi, kuasa dan kewajipan Lembaga**

**17.** (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipannya, kecuali kuasa untuk meminjam wang, memberikan pinjaman, menubuhkan perbadanan atau membuat peraturan-peraturan, kepada —

- (a) mana-mana anggota Lembaga;
- (b) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga; atau
- (c) mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga,

dan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh anggota, pegawai atau pekhidmat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(2) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan, pada bila-bila masa, mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) dan peruntukan lain dalam Akta ini, Lembaga boleh mewakilkan kepada Ketua Pengarah—

- (a) kuasa untuk memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat Lembaga di bawah seksyen 22; dan
- (b) kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain yang terletak hak pada atau di bawah kawalan Lembaga sehingga apa-apa had yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa**

**18.** (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh memilih mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri dan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu adalah tertakluk kepada dan hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(4) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu, tertakluk kepada subseksyen (3).

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang, bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu tetapi orang yang diundang sedemikian tidaklah berhak mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(6) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(8) Pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(9) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Pengerusi Lembaga.

### BAHAGIAN III

#### KETUA PENGARAH, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LEMBAGA

#### **Pelantikan Ketua Pengarah**

**19.** Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Lembaga atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri.

#### **Kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah**

**20.** (1) Lembaga hendaklah meletakhakkan pada Ketua Pengarah

apa-apa kuasa dan hendaklah mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Ketua Pengarah adalah bertanggungjawab bagi—

(a) pentadbiran dan pengurusan sepatutnya hal ehwal Lembaga;

(b) penyediaan—

(i) segala program, skim, projek dan kegiatan;

(ii) anggaran perbelanjaan bagi pelaksanaan program tahunan; dan

(iii) anggaran pendapatan,

bagi kelulusan Lembaga;

(c) pelaksanaan program tahunan Lembaga; dan

(d) pelaksanaan keputusan dan arahan Lembaga.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(4) Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Lembaga.

(5) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pengarah hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga.

(6) Jika Ketua Pengarah tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi, untuk melaksanakan kewajipannya, salah seorang daripada Timbalan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan kewajipan Ketua Pengarah semasa Ketua Pengarah tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu.

(7) Bagi maksud subseksyen (6), jika jawatan Timbalan Ketua Pengarah kosong, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain Lembaga untuk melaksanakan kewajipan itu.

### **Pelantikan pegawai dan pekhidmat**

**21.** (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (3), Lembaga boleh—

- (a) dengan kelulusan Menteri, melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah;
- (b) melantik apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat lain yang perlu bagi menjalankan maksud Akta ini,

atas apa-apa terma dan syarat yang didapati wajar oleh Lembaga.

(2) Tiada seorang pun layak diambil khidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga jika dia, secara langsung atau secara tidak langsung, sendiri atau melalui pekongsinya, mempunyai apa-apa bahagian atau kepentingan dalam apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, bagi atau bagi pihak Lembaga.

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

(4) Pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Kuasa memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat**

**22.** Lembaga boleh memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Pewakilan kewajipan Ketua Pengarah**

**23.** (1) Ketua Pengarah boleh secara bertulis mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai Lembaga, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(2) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Ketua Pengarah sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan, pada bila-bila masa, mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian.

**Jawatankuasa tata tertib**

**24.** (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tata tertib ke atas semua pegawai dan pekhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tata tertib berkenaan dengan semua orang sedemikian mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 26.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa tata tertib Lembaga berkenaan dengan Ketua Pengarah yang terdiri daripada—

(i) Pengerusi, yang hendaklah menjadi pengerusi jawatankuasa itu; dan

(ii) sekurang-kurangnya dua orang anggota Lembaga, yang tidak boleh termasuk Ketua Pengarah, yang ditentukan di kalangan anggota itu sendiri; dan

(b) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tata tertib yang berlainan bagi golongan berlainan pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(3) Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi mana-mana jawatankuasa tata tertib yang ditubuhkan di bawah perenggan (2)(b):

(a) jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Lembaga, selain Pengerusi Lembaga, atau pegawai Lembaga, atau apa-apa gabungan anggota dan pegawai itu; dan

(b) seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tata tertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada mana-mana pegawai atau pekhidmat yang ke atasnya jawatankuasa yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tata tertib.

(4) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan (2)(b) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tata tertib pegawai dan pekhidmat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(5) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tata tertibnya, sesuatu jawatankuasa tata tertib yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tata tertib

dan mengenakan apa-apa hukuman tata tertib atau apa-apa gabungan dua hukuman atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 26.

### **Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tata tertib**

**25.** (1) Sesuatu keputusan jawatankuasa tata tertib yang ditubuhkan di bawah perenggan 24(2)(a) bolehlah dirayukan kepada Menteri.

(2) Sesuatu keputusan jawatankuasa tata tertib yang ditubuhkan di bawah perenggan 24(2)(b) bolehlah dirayukan kepada Lembaga Rayuan Tata tertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dan hendaklah mempunyai undi pemutus; dan

(b) tiga orang anggota Lembaga, yang bukan anggota jawatankuasa tata tertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud Rayuan itu.

(3) Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tata tertib.

(4) Apabila Lembaga Rayuan Tata tertib menimbangkan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (2), seseorang anggota jawatankuasa tata tertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubung dengan rayuan itu.

(5) Keputusan Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib di bawah subseksyen (3) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

### **Kuasa membuat peraturan-peraturan tata tertib**

**26.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk

mengadakan peruntukan bagi tata tertib pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini —

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tata tertib;
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman itu boleh meliputi amaran, denda, pelucuthakan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pengurangan gaji, penurunan pangkat dan buang kerja;
- (c) hendaklah memberi orang yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tata tertib kecuali dalam hal yang berikut:
  - (i) jika seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
  - (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suai manfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau
  - (iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap pegawai atau pekhidmat Lembaga itu apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;
- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen pegawai atau pekhidmat



Lembaga sementara menanti selesainya prosiding jenayah terhadapnya atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan

- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga jika pegawai atau pekhidmat itu telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah jenayah atau jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan terhadap pegawai atau pekhidmat itu.

### **Pengenaan surcaj**

**27.** (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Lembaga yang tidak sepatutnya atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau secara tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcaj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis di bawah subseksyen (2), Lembaga boleh—

- (a) dalam hal perenggan (1)(a), (b) dan (c), mensurcaikan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan
- (b) dalam hal perenggan (1)(d) dan (e), mensurcaikan apa-apa jumlah wang terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

### **Pemberitahuan surcraj**

**28.** Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcaikan di bawah subseksyen 27(3) mengenai surcraj itu.

### **Penarikan balik surcraj**

**29.** Walau apa pun subseksyen 27(3) dan seksyen 28, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcraj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcraj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaikan itu mengenai penarikan balik itu.

### **Mendapatkan surcraj**

**30.** Amaun apa-apa surcraj yang dikenakan di bawah subseksyen 27(3) dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 29 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang disurcaikan itu dan boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga, jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga, didapatkan melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcaikan; atau
- (b) daripada pencen orang yang disurcaikan,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi

satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

### **Keanggotaan Lembaga dalam kes khas**

**31.** Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Ketua Pengarah, keanggotaan Lembaga bagi maksud seksyen 27 hingga 30 tidak boleh termasuk Ketua Pengarah.

## BAHAGIAN IV

### KEWANGAN

### **Kumpulan Wang**

**32.** (1) Maka adalah ditubuhkan, bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai “Kumpulan Wang Lembaga Minyak Sawit Malaysia”, yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan bagi maksud Akta ini oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
- (b) wang yang diperolehi daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (c) wang yang diperolehi atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (d) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak hak pada Lembaga;
- (e) jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (f) wang yang diperolehi daripada perkhidmatan perundingan, nasihat atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga;

- (g) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 35;
- (h) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 71;
- (i) wang yang dipungut oleh Lembaga di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan yang dinyatakan dalamnya sebagai jumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang;
- (j) wang yang diagihkan sebagai dividen daripada perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
- (k) derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia dan termasuklah wang yang diterima daripada mana-mana kerajaan atau organisasi di luar Malaysia; dan
- (l) segala jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya.

### **Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang**

**33.** Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk—
  - (i) saraan pegawai dan pekhidmat Lembaga, termasuk pemberian pinjaman, elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
  - (ii) perlindungan insurans bagi pegawai dan pekhidmat Lembaga;
  - (iii) kos yang dilakukan dalam membuat peruntukan bagi kebajikan pegawai dan pekhidmat Lembaga; dan
  - (iv) fi dan kos guaman serta fi dan kos lain;
- (b) membiayai kegiatan penyelidikan dan kemajuan;
- (c) menyumbang kepada badan atau organisasi yang dianggotai oleh Lembaga;

- (d) menyumbang kepada organisasi yang berhubungan dengan industri kelapa sawit yang ditentukan oleh Menteri;
- (e) membiayai biasiswa bagi pendidikan tinggi yang diluluskan oleh Lembaga;
- (f) memberikan pinjaman atau bantuan kepada institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar Malaysia bagi maksud pembangunan sumber manusia dalam industri kelapa sawit;
- (g) memberikan pinjaman kepada atau mengadakan modal bagi perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
- (h) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sepatutnya oleh Lembaga pada melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (i) tertakluk kepada kelulusan Menteri, memberikan sumbangan kepada mana-mana organisasi, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, bagi maksud menggalakkan pemasaran keluaran kelapa sawit;
- (j) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain pada melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (k) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atas wang itu;
- (l) membayar apa-apa hadiah di bawah seksyen 75; dan
- (m) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.

### **Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**34.** Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya pasti bahawa jumlah hasil Lembaga cukup untuk membayar semua jumlah wang yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya termasuk susut nilai dan bunga atas modal dari setahun ke setahun.

**Ses atas keluaran kelapa sawit**

**35.** (1) Menteri boleh, setelah berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah bagi pengenaan, pengubahan atau pembatalan ses atas keluaran kelapa sawit yang dikeluarkan di atau dieksport dari Malaysia dan perintah itu boleh menentukan jenis, amaun dan kadar ses itu, \*orang atau golongan orang yang dikenakan ses dan cara pungutan ses itu.

(2) Kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya dalam mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), ses yang dikenakan melalui perintah itu hendaklah, bagi maksud pemungutannya dan bagi penguatkuasaan pemungutannya, disifatkan sebagai suatu duti kastam di bawah Akta Kastam 1967 [*Akta 235*].

(3) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan amaun, kadar dan cara pungutan yang berlainan bagi jenis atau gred keluaran kelapa sawit yang berlainan berhubungan dengan orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan.

(4) Seseorang yang tidak atau enggan membayar apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh kali amaun ses yang kena dibayar atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Amaun apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya ses itu dikenakan dan boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga.

(6) Permulaan prosiding di bawah seksyen ini tidak boleh melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti untuk membayar apa-apa ses yang baginya dia bertanggung atau mungkin bertanggung atau daripada liabiliti untuk membuat apa-apa penyata yang dia dikehendaki membuatnya oleh Akta ini.

(7) Tanpa menjejaskan subseksyen (5), mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah

---

\**CATATAN*—Mana-mana perundangan subsidiari yang telah dibuat oleh Menteri sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini diisytiharkan telah dibuat dengan sah dan menurut undang-undang walau apa pun subseksyen 35(1) Akta ini tidak mengandungi perkataan “orang atau golongan orang”—lihat subseksyen 2(2) dan seksyen 3 dan 4 di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004 [*Akta A1222*] yang memperuntukkan pengesahan perundangan subsidiari Akta yang dimansuhkan dan pengesahan ses.

subseksyen (4) boleh memerintahkan orang itu membayar kepada Lembaga jumlah amaun ses yang diperakui oleh pegawai kewangan Lembaga sebagai kena dibayar oleh orang itu pada tarikh sabitan itu.

(8) Ses yang kena dibayar di bawah subseksyen (7) hendaklah, bagi maksud pemungutannya, disifatkan sebagai suatu denda dan hendaklah didapatkan mengikut seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

### **Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**36.** (1) Perbelanjaan Lembaga sehingga apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi kegiatan penyelidikan dan kemajuan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butiran sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Lembaga amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihal perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

### **Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980**

**37.** Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN V

## KUASA DAN FUNGSI LAIN LEMBAGA

**Kuasa untuk meminjam**

**38.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

**Pelaburan**

**39.** (1) Wang Lembaga hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, memperoleh dan membangunkan tanah dan harta bagi atau berkaitan dengan perjalanan kuasanya dan bagi maksud ini boleh membuat apa-apa rundingan, perkiraan atau perjanjian sebagaimana yang perlu untuk menghasilkan pendapatan yang dikehendaki bagi pengendalian Lembaga.

**Pengkomersialan dapatan penyelidikan**

**40.** Lembaga boleh menjadikan tersedia apa-apa dapatan penyelidikan yang terletak hak pada Lembaga untuk mana-mana orang atau badan tertakluk kepada apa-apa syarat dan kepada pembayaran apa-apa fi, royalti atau balasan lain, jika ada, yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri, bagi maksud mengkomersialkannya.

**Kuasa untuk mengambil khidmat ejen, dsb.**

**41.** Lembaga boleh mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara,



jurubank, broker saham, juruukur, penilai dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

### **Kuasa untuk memberikan pinjaman**

**42.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, memberikan pinjaman pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan.

### **Kuasa untuk menubuhkan perbadanan**

**43.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan suatu perbadanan, dengan apa-apa nama yang didapati patut oleh Lembaga, untuk menjalankan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dirancang atau diusahakan oleh Lembaga pada melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya.

(2) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

## **BAHAGIAN VI**

### **PENGUATKUASAAN**

#### **Pemberian kuasa kepada pegawai**

**44.** (1) Ketua Pengarah boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana pegawai Lembaga untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) apabila bertindak di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya, dan mengemukakan kepada

orang yang terhadapnya dia bertindak atau yang daripadanya dia menghendaki apa-apa maklumat kad kuasa yang diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dibawa oleh pegawai itu.

### **Kuasa penyiasaan**

**45.** Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

### **Kuasa penangkapan**

**46.** Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (b) yang dengan semunasabahnya disyaki oleh pegawai diberi kuasa sebagai terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini,

jika orang itu enggan atau tidak memberikan nama dan alamat orang itu atau jika terdapat alasan munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu telah memberikan nama atau alamat palsu atau bahawa orang itu berkemungkinan melarikan diri.

### **Pengeledahan dengan waran**

**47.** (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkan perlu oleh Majistret itu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa yang dinamakan di dalamnya masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan, dan di sana—

- (a) menggeledah dan menyita apa-apa keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai perlakuan kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel apa-apa keluaran kelapa sawit atau benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di premis itu.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya orang dan kelengkapan lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu berbuat sedemikian,—

- (a) memecahkan apa-apa pintu luar atau dalam premis dan masuk ke dalam premis itu;
- (b) masuk secara paksa ke dalam premis itu dan tiap-tiap bahagian premis itu;
- (c) memindahkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pemindahan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukan; dan
- (d) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai di premis itu sehingga tempat itu telah digeledah.

(4) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk memindahkan apa-apa keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dalam premis atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(5) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (4) atau

memindahkan keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilak atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pengeledahan tanpa waran**

**48.** Jika seorang pegawai diberi kuasa dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 47 mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai perlakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan di dalam, ke atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 47 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Kuasa untuk memberhentikan dan menggeledah kenderaan**

**49.** (1) Jika seorang pegawai diberi kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana kenderaan membawa apa-apa keluaran kelapa sawit, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau apa-apa benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa kenderaan itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenderaan itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita kenderaan itu dan apa-apa keluaran kelapa sawit, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai dalam kenderaan itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai perlakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai diberi kuasa,—

- (a) memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai diberi kuasa memeriksanya; dan
- (b) membuka semua bahagian kenderaan itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai diberi kuasa.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Senarai benda disita**

**50.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain disita di bawah seksyen 47, 48, atau 49, pegawai yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan serta-merta menghantar serah sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada—

- (a) jika premis telah digeledah di bawah seksyen 47 atau 48, penghuni premis yang digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu; dan
- (b) jika kenderaan telah disita di bawah seksyen 49, orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai yang menyita itu hendaklah bilamana boleh melekatkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

### **Kuasa untuk memasuki premis**

**51.** Walau apa pun seksyen 47 dan 48, seorang pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa apa-apa keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;

- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau kenyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa atau kepada Lembaga; atau
- (c) memungut sampel apa-apa keluaran kelapa sawit.

### **Pemulangan sementara kenderaan, dsb.**

**52.** (1) Jika apa-apa kenderaan, jentera, peralatan atau kelengkapan disita di bawah Akta ini, mahkamah boleh buat sementara memulangkan kenderaan, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunya kenderaan, jentera, peralatan atau kelengkapan itu atau orang yang daripada pemilikan, penjagaan atau kawalannya ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh mahkamah dan, tertakluk, walau bagaimanapun, kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa kenderaan, jentera, peralatan atau kelengkapan itu akan diserahkan balik kepada mahkamah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi.

(2) Jika apa-apa kenderaan, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) tidak menyerahkan balik kenderaan, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada mahkamah apabila diminta; atau
- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Penjualan dan pelupusan keluaran kelapa sawit yang disita**

**53.** (1) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa keluaran kelapa sawit yang disita di bawah Akta ini dijual dan hasil penjualan itu dipegang sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini jika—

- (a) keluaran kelapa sawit itu adalah daripada jenis mudah rosak atau mutunya mudah merosot;

- (b) penjagaan keluaran kelapa sawit itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah;
- (c) terdapat kekurangan atau ketiadaan kemudahan yang mencukupi atau sesuai untuk menyimpan keluaran kelapa sawit itu; atau
- (d) keluaran kelapa sawit itu dipercayai menyebabkan halangan atau bahaya kepada orang awam.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika juruanalisis memperakui, atau jika keputusan ujian sebagaimana yang diperakui oleh juruanalisis membuktikan, bahawa keluaran kelapa sawit yang diuji olehnya tercemar, pegawai yang menyita itu boleh menyimpannya dalam penjagaan atau, jika tiada pendakwaan dimulakan berkenaan dengan keluaran kelapa sawit itu, menyebabkan supaya ia dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

#### **Keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita boleh dilucuthakkan**

**54.** Apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

#### **Hak harta mengenai keluaran kelapa sawit, dsb., yang dilucuthakkan**

**55.** Apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau yang diambil dan disifatkan dilucuthakkan di bawah Bahagian ini hendaklah menjadi harta Lembaga.

#### **Pelucuthakan atau pelepasan keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita**

**56.** (1) Jika pendakwaan dimulakan berkenaan dengan apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah dijalankan

boleh memerintahkan pelucuthakan atau pelepasan benda yang berkenaan.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan pelucuthakan keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan akan dimulakan berkenaan dengan apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang dalam penjagaannya ia dipegang hendaklah memberitahu orang yang daripadanya keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita tentang hakikat itu dan tentang peruntukan seksyen 57.

(4) Notis di bawah subseksyen (3) hendaklah bertulis dan hendaklah dihantar ke alamat terakhir diketahui orang yang berkenaan.

(5) Jika tiada tuntutan dibuat di bawah seksyen 57 dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis yang disebut dalam subseksyen (3), keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita hendaklah diambil dan disifatkan dilucuthakkan apabila tempoh itu tamat.

### **Tuntutan bagi keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita**

**57.** (1) Seseorang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen 56(3) dan bahawa ia tidak boleh dilucuthakkan boleh memberikan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis notis bertulis kepada pegawai



diberi kuasa yang dalam penjagaannya ia dipegang bahawa dia menuntut keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(2) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (1) diterima, pegawai diberi kuasa hendaklah merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah yang boleh mengarahkan supaya keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilepaskan atau boleh mengarahkan pegawai diberi kuasa, melalui maklumat bertulis, merujuk perkara itu kepada Majistret.

(3) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujuk di bawah subseksyen (2) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki Lembaga dan orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapan Majistret itu dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, tetapi penyampaian saman dengan sewajarnya dibuktikan, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(4) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu, Majistret hendaklah memerintahkan supaya keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(5) Apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau yang disifatkan dilucuthakkan hendaklah dihantARSERAHKAN kepada pegawai diberi kuasa itu dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Majistret.

(6) Lembaga tidak menanggung liabiliti kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, tidak kira bagaimana sekalipun berlaku, dalam mutu apa-apa keluaran kelapa sawit yang disita di bawah Akta ini.

**Pelepasan keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita**

**58.** Walau apa pun seksyen 57, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Bahagian ini dilepaskan kepada orang yang daripada pemilikan, penjagaan atau kawalannya ia disita.

## BAHAGIAN VII

## AM

**Pengawalseliaan industri kelapa sawit**

**59.** Industri kelapa sawit Malaysia hendaklah dikawal selia mengikut peratutan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

**Pelantikan juruanalisis**

**60.** (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh melantik juruanalisis untuk memeriksa dan menguji apa-apa keluaran kelapa sawit dan untuk memperakui keadaan, jenis, cara pemprosesan, mutu, piawaian dan grednya.

(2) Dalam apa-apa pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta ini, suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seorang juruanalisis hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.

**Pemeriksaan atau pengujian berkadar keluaran kelapa sawit yang disita**

**61.** (1) Jika didapati perlu untuk memeriksa atau menguji apa-apa keluaran kelapa sawit yang disita di bawah Akta ini, maka adalah mencukupi untuk memeriksa atau menguji hanya suatu sampel yang tidak melebihi sepuluh peratus daripada isipadu atau berat keluaran kelapa sawit itu atau daripada setiap jenis atau perihalan yang berlainan keluaran kelapa sawit itu atau,

jika keluaran kelapa sawit itu dibungkus dalam bungkusan yang berlainan, daripada kandungan setiap bungkusan.

(2) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa baki jenis, perihalan atau bungkusan keluaran kelapa sawit itu adalah serupa dengan keadaan, jenis, cara pemprosesan, mutu, piawai, gred atau selainnya sampel keluaran kelapa sawit yang diperiksa atau diuji.

### **Kos memegang keluaran kelapa sawit, dsb., yang disita**

**62.** Jika apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam penjagaan Lembaga atau Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam penjagaan hendaklah, dalam hal mana-mana orang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga atau Kerajaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh orang itu dan hendaklah boleh didapatkan dengan sewajarnya.

### **Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**63.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan atau yang dikatakan pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Kuasa tambahan**

**64.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun, data yang dikomputerkan dan dokumen dan meneliti, memeriksa dan menyalin mana-mana rekod, akaun, data yang dikomputerkan dan dokumen itu;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubungan dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Mengamang atau menghalang pegawai diberi kuasa menjadi kesalahan**

**65.** Seseorang yang—

- (a) mengamang, menghalang, merintang atau mengganggu mana-mana pegawai diberi kuasa dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) mengambil balik atau berusaha untuk mengambil balik apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini; atau
- (c) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan menyebabkan kehilangan atau merosakkan atau memusnahkan apa-apa keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain untuk menghalang penyitaannya atau penyimpanan selamat keluaran kelapa sawit, kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Kewajipan menyimpan kerahsiaan**

**66.** (1) Kecuali bagi maksud Akta ini, tiada seorang pun yang mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat, maklumat, dokumen atau bahan lain yang diperoleh di bawah Akta ini boleh menzahirkan rekod, buku, daftar, surat-menyurat, maklumat, dokumen atau bahan lain itu kepada mana-mana orang lain.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Maklumat palsu**

**67.** Seseorang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberikan apa-apa perisytiharan, penyata, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki di bawah Akta ini yang tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butiran melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**68.** (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang pada masa perlakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab tentang pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan

kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
- (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah perlakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh, di bawah Akta ini, dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerjaanya dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

### **Penalti am**

**69.** (1) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “Akta ini” tidak termasuk peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

### **Persubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan**

**70.** (1) Seseorang yang bersubahat dalam perlakuan atau yang cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini melakukan kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan bagi atau bagi membantu perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini melakukan kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi satu perdua daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

### **Mengkompaun kesalahan**

**71.** (1) Ketua Pengarah boleh mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaunkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan itu dibuat dan apa-apa keluaran kelapa sawit atau hasil penjualannya, atau apa-apa kenderaan, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

### **Permulaan dan penjalanan pendakwaan**

**72.** (1) Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan

apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai Lembaga yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

### **Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan**

**73.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan sedemikian.

### **Perlindungan pegawai**

**74.** Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya di bawah Akta ini bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diarahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya di bawah Akta ini jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan mempercayai dengan semunasabahnya bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai dengannya.

### **Hadiah**

**75.** Ketua Pengarah boleh mengarahkan supaya dibayar apa-apa hadiah sebagaimana yang difikirkannya patut kepada mana-mana orang bagi perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengesanan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau berkaitan dengan apa-apa penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.



### **Perlindungan pemberi maklumat**

**76.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod atau dokumen yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua perenggan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dibuat sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

### **Kuasa untuk membuat pengecualian**

**77.** (1) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa keluaran kelapa sawit atau benda lain daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut atas apa-apa pengecualian di bawah subseksyen (1).

**Peraturan-peraturan**

**78.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan cara untuk memohon lesen, perakuan, permit dan kelulusan di bawah Akta ini, butir-butir yang hendaklah dikemukakan oleh pemohon, cara pelesenan dan pemerakuan, fi yang kena dibayar mengenainya, syarat yang hendaklah dikenakan dan bentuk lesen, perakuan, permit dan kelulusan;
- (b) menetapkan piawaian bagi pemprosesan dan kaedah bagi mengawet, menggredkan atau membungkus keluaran kelapa sawit;
- (c) menetapkan piawaian atau gred keluaran kelapa sawit dan mengadakan peruntukan untuk memberikan kuat kuasa kepada piawaian dan gred itu, termasuk peruntukan bagi atau berhubungan dengan pelabelan;
- (d) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti oleh pengeksport dalam mengeksport keluaran kelapa sawit;
- (e) mengadakan peruntukan bagi penyelenggaraan piawaian kelakuan yang sepatutnya dalam menjalankan dagangan keluaran kelapa sawit dan industri kelapa sawit dan bagi menguruskan pelanggarannya;
- (f) menetapkan amalan yang hendaklah diikuti atau dielakkan dalam industri kelapa sawit;
- (g) mengadakan peruntukan bagi pendaftaran kontrak yang berhubungan dengan penjualan dan pembelian keluaran kelapa sawit dan butir-butir kontrak itu;
- (h) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti untuk mentadbir Kumpulan Wang;
- (i) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaunkan;
- (j) menetapkan rekod dan dokumen yang dikehendaki disimpan dan penyata yang dikehendaki dikemukakan;
- (k) menetapkan borang bagi maksud Akta ini;
- (l) menetapkan fi dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara memungut dan membelanjakan fi itu;

- (m) mengadakan peruntukan bagi mengawal selia semua atau mana-mana kegiatan Lembaga dan pada amnya bagi pelaksanaan fungsi, penjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Lembaga di bawah Akta ini;
- (n) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau yang perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan bahawa apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan hukuman denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

### **Pengesahan perbuatan yang dilakukan dengan menjangkakan Akta**

**79.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), segala perbuatan dan benda yang dilakukan oleh mana-mana orang sebagai persediaan bagi atau dengan menjangkakan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan benda yang dilakukan adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung sebagai akibat perlakuan perbuatan atau benda itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan sebagai hak dan obligasi Lembaga.

(2) Subseksyen (1) tidak memberi kuasa pelantikan anggota, pegawai atau pekhidmat Lembaga kecuali setakat memberi kuasa pelantikan sementara orang sedemikian sehingga pelantikan sewajarnya dibuat di bawah Akta ini.

## **BAHAGIAN VIII**

### **PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN**

#### **Pemansuhan dan pembubaran**

**80.** Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa

Sawit (Pemerbadanan) 1976 [*Akta 179*] dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979 [*Akta 218*] (“Akta-Akta dimansuhkan”) dimansuhkan dan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit (“Lembaga-Lembaga dibubarkan”) serta Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (“Institut dibubarkan”) dibubarkan.

### **Pemindahan kuasa, dsb.**

**81.** Kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan yang sebelum hari ditetapkan merupakan kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan Lembaga-Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan hendaklah dari hari itu turun kepada Lembaga.

### **Pemindahan harta**

**82.** (1) Segala tanah yang sebelum hari ditetapkan terletak hak pada, atau dirizabkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah bagi maksud, Lembaga-Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan hendaklah pada hari itu terletak hak pada atau disifatkan sebagai dirizabkan bagi maksud Lembaga.

(2) Segala harta dan aset selain tanah yang sebelum hari ditetapkan terletak hak pada Lembaga-Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan atau pada mana-mana orang bagi pihak Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah pada hari itu terletak hak pada Lembaga.

### **Kontrak sedia ada**

**83.** Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan bekerja yang wujud sebelum hari ditetapkan dan yang menyentuh apa-apa harta yang dipindahkan di bawah seksyen 82 hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada Lembaga dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah, sebagai ganti Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Lembaga-Lembaga dibubarkan

atau Institut dibubarkan, Lembaga-lah yang dinamakan dalamnya atau menjadi pihak kepadanya.

### **Pemindahan wang dalam kumpulan wang**

**84.** Segala wang dalam atau yang kena dibayar ke dalam kumpulan wang Lembaga-Lembaga dibubarkan yang ditubuhkan di bawah Akta-Akta dimansuhkan hendaklah pada hari ditetapkan dipindahkan ke dalam dan disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 32 Akta ini.

### **Keanggotaan Lembaga-Lembaga dibubarkan**

**85.** (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan, anggota Lembaga-Lembaga dibubarkan dan anggota mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta-Akta dimansuhkan yang memegang jawatan sebelum hari ditetapkan hendaklah terhenti memegang jawatan pada hari itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menjejaskan kebertanggungjawaban anggota Lembaga-Lembaga dibubarkan yang terhenti memegang jawatan dan dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas hari ditetapkan, Lembaga-Lembaga dibubarkan hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri laporan termasuk penyata kewangan yang dikehendaki di bawah Akta dimansuhkan masing-masing, tetapi laporan itu hendaklah terhad kepada tempoh dari 1 Januari tahun yang berkenaan sehingga hari sebelum hari ditetapkan.

(3) Walau apa pun seksyen 80, Lembaga-Lembaga dibubarkan hendaklah terus wujud bagi maksud subseksyen (2).

### **Penerusan pegawai dan pekhidmat**

**86.** Orang yang pada hari ditetapkan diambil khidmat sebagai pegawai dan pekhidmat Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan di bawah Akta-Akta dimansuhkan hendaklah terus menjadi pegawai dan pekhidmat Lembaga di bawah Akta ini seolah-olah orang itu telah dilantik di bawah subseksyen 21(1) Akta ini atas terma dan syarat yang sama bagi tempoh yang akan habis tempoh pada hari yang padanya pelantikannya di bawah Akta-Akta dimansuhkan sepatutnya habis tempoh.

**Kecualian bagi lesen dan daftar**

**87.** (1) Walau apa pun pemansuhan di bawah seksyen 80 atau apa-apa peruntukan Akta ini yang berlawanan, tiap-tiap orang yang, sebelum hari ditetapkan, memegang lesen yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta-Akta dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai dilesenkan di bawah Akta ini sehingga tarikh tamat tempoh lesen itu dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan padanya.

(2) Tiap-tiap lesen yang menurut kuasanya seseorang disifatkan di bawah subseksyen (1) sebagai dilesenkan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah dikeluarkan di bawah Akta ini; dan Lembaga boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan pada lesen itu bagi maksud menyelaraskannya dengan dasar Lembaga mengenai pengenalan syarat tentang pelesenan di bawah Akta ini.

(3) Peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pembatalan lesen hendaklah terpakai bagi semua orang yang disifatkan di bawah subseksyen (1) sebagai dilesenkan di bawah Akta ini.

(4) Jika seseorang yang disifatkan sebagai dilesenkan di bawah Akta ini di bawah subseksyen (1) berhasrat dilesenkan di bawah Akta ini selepas tamat tempoh yang baginya dia disifatkan dilesenkan di bawah Akta ini, dia boleh memohon kepada Lembaga untuk dilesenkan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan, dan permohonannya hendaklah dibuat dan dianggap sebagai suatu permohonan baru dan bukan sebagai suatu permohonan bagi pembaharuan lesen.

(5) Semua daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah Akta-Akta dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah Akta ini dan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripadanya.

**Penerusan permohonan, dsb., yang belum selesai**

**88.** (1) Segala permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, yang belum selesai di hadapan Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan di bawah Akta-Akta dimansuhkan hendaklah pada hari ditetapkan diuruskan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(2) Segala permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, yang belum selesai di hadapan Menteri di bawah Akta-Akta dimansuhkan hendaklah pada hari ditetapkan diuruskan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(3) Segala surat cara, perakuan atau dokumen yang diserahkan dengan Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan di bawah Akta-Akta dimansuhkan sebelum hari ditetapkan hendaklah pada hari ditetapkan diserahkan dengan Lembaga.

### **Penerusan prosiding sivil dan jenayah**

**89.** (1) Baik pemansuhan di bawah seksyen 80 mahupun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta-Akta dimansuhkan sebelum hari ditetapkan, atau apa-apa prosiding yang dibawa sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan sedemikian.

(2) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebelum hari ditetapkan oleh atau terhadap Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga-Lembaga dibubarkan, Institut dibubarkan atau orang sedemikian jika Akta ini tidak diperbuat.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran merayu yang dipohon pada atau selepas hari ditetapkan terhadap suatu keputusan yang diberikan sebelum hari itu dalam apa-apa prosiding undang-undang yang kepadanya Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan menjadi pihak bolehlah dibawa oleh atau terhadap Lembaga.

### **Sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai Lembaga-Lembaga dibubarkan dan Institut dibubarkan**

**90.** Sesuatu sebutan dalam mana-mana undang-undang atau dokumen yang berkuat kuasa sebelum hari ditetapkan mengenai Lembaga-Lembaga dibubarkan atau Institut dibubarkan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Lembaga.

**Penerusan penggunaan nama**

**91.** (1) Walau apa pun seksyen 80 dan 90, Lembaga boleh terus menggunakan nama “Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia” dan “PORIM” bagi maksud menyenggarakan nama baik atau bagi apa-apa maksud yang didapati patut oleh Lembaga.

(2) Tiada orang lain boleh menggunakan nama “Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia” atau “PORIM” kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

**Pencegahan anomali**

**92.** (1) Menteri boleh, setelah berunding dengan Lembaga, bilamana difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian, sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan, mencegah anomali atau berbangkit daripada pembuatan Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang sedia ada yang difikirkannya patut.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) selepas tamat tempoh dua tahun dari hari ditetapkan.

---



JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 3(3)]

**Mesyuarat**

1. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tiga bulan pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.  
(2) Notis bertulis sekurang-kurangnya empat belas hari hendaklah diberikan kepada anggota.  
(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga.  
(4) Kuorum Lembaga ialah tujuh orang.  
(5) Tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir berhak kepada satu undi.  
(6) Jika atas suatu persoalan untuk ditentukan oleh Lembaga terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

**Elaun**

2. Anggota Lembaga hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri.

**Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat**

3. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidaklah berhak mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.  
(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa fi yang ditentukan oleh Lembaga.

**Meterai Perbadanan**

4. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.  
(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan “Malaysian Palm Oil Board” atau “Lembaga Minyak Sawit Malaysia” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.  
(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua

Pengarah atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarah atau orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Penzahiran kepentingan**

5. Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau secara tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan fakta dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

### **Minit**

6. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya minit segala mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

### **Kesahan perbuatan dan prosiding**

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada kekosongan dalam keanggotaan, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 5 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

**Tatacara**

8. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah menetapkan tatacaranya sendiri.

**Anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga**

9. Tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu untuk menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

**Pelantikan hendaklah disiarkan**

10. Pelantikan tiap-tiap anggota dan anggota silih ganti Lembaga hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

---

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 43(2)]

**Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan**

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 43, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

**Batasan kuasa menubuhkan perbadanan**

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan memberi kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan bagi apa-apa maksud atau

tujuan yang lebih luas ruang lingkungannya daripada maksud atau tujuan yang baginya Lembaga ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk dalam hak, kewajipan, kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

### **Kuat kuasa peraturan-peraturan**

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 78, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.

### **Pindaan peraturan-peraturan**

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana perbadanan.

### **Daftar perbadanan**

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 43 dan daftar itu, berserta dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 dan 4, adalah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

### **Penggulungan**

6. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Lembaga setelah segala liabilitinya ditunaikan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

### **Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan**

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 43 adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama itu dan, bagi

maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap hal.

### **Meterai perbadanan**

**8.** (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru sebagaimana yang didapati patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan itu.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberi kuasa oleh perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh perbadanan mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai perbadanan tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 582****AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1222	Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004	02-07-2004

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 582****AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
35	Akta A1222	02-07-2004

---

